

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B TUAN HAJI HASBI BIN  
HAJI HABIBOLLAH [ LIMBANG ]

**TARIKH :** 21.10.2015

**SOALAN :**

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan memulakan pembinaan fizikal SK Tanjong yang telah diluluskan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek pembinaan gantian penuh 6 bilik darjah, asrama 100 pelajar, rumah guru 7 unit dan lain-lain kemudahan di Sekolah Kebangsaan Tanjong, Limbang, Sarawak merupakan projek yang baru diluluskan pelaksanaannya pada Rolling Plan 4 (2014-2015). Kini, ianya dalam peringkat proses reka bentuk oleh juru perunding yang lazimnya mengambil masa di antara 3-6 bulan. Pembinaan dijangkakan akan bermula pada pertengahan tahun 2016.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini bangunan sementara telah pun dibina pada tahun 2014 dengan peruntukan RM500,000 di tapak yang lama untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran murid-murid tidak terganggu.